

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]

**TARIKH** : 18 MAC 2014

**SOALAN** :

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang perlombongan bijih timah, emas, uranium dan petrol/gas asli di negara kita. Apakah unjuran pengeluaran hasil-hasil bumi berkenaan kepada ekonomi negara kita sejak tahun 2005 sehingga kini. Apakah ramalan Kerajaan terhadap pengeluaran hasil-hasil bumi berkenaan untuk tempoh 10 tahun lagi dan apakah langkah-langkah perlu yang sedang diambil bagi mengatasi masalah kehabisan hasil bumi berkenaan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini aktiviti perlombongan di Malaysia mengeluarkan pelbagai jenis mineral. Antara mineral utama yang dihasilkan ialah bijih besi, emas, bijih timah, mangan, kaolin, pasir silika dan arang batu. Buat masa ini tiada perlombongan uranium dijalankan di Malaysia, manakala petroleum dan gas asli pula dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri.

Secara keseluruhan, pengeluaran mineral negara (tidak termasuk petroleum dan gas) di antara tahun 2005 hingga 2012 adalah amat memberangsangkan. Nilai pengeluaran mineral telah meningkat daripada RM1.96 bilion pada tahun 2005 kepada RM6.39 bilion pada tahun 2012 dan dijangka terus meningkat lagi bagi tahun 2013 kepada RM6.5 bilion.

Pengeluaran bijih timah semenjak 2005 telah menunjukkan peningkatan, di mana jumlah pengeluaran kumulatif dari tahun 2005 sehingga 2013 adalah 25,983 tan metrik. Pada tahun 2005, jumlah pengeluaran bijih timah ialah 2,858 tan metrik timah, manakala dalam tahun 2012, ianya meningkat kepada 3,745 tan metrik. Bagi logam emas pula, pada tahun 2005 sebanyak 4,249 kilogram telah dikeluarkan, manakala pada tahun 2012 pula berjumlah 4,625 kilogram. Jumlah pengeluaran kumulatif bagi tahun 2005 hingga 2013 ialah sebanyak 32,419 kilogram.

Bagi tempoh 10 tahun lagi, pengeluaran timah dan emas adalah amat bergantung kepada rizab yang ada dan boleh dilombong, pembukaan lombong-lombong baru serta permintaan terhadap logam ini. Berdasarkan rizab semasa, pengeluaran timah adalah dianggarkan di sekitar 3,000 hingga 3,500 tan metrik manakala pengeluaran emas pula adalah di sekitar 3,000 kilogram setahun. Kerja-kerja eksplorasi dan carigali yang dijalankan secara berterusan untuk mencari longgokan mineral-mineral yang baru dijangka akan menambah kepada rizab mineral negara yang sedia ada.

Menyedari bahawa mineral adalah merupakan sumber yang terhad dan tidak boleh diperbaharui, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melancarkan Dasar Mineral Negara 2 pada tahun 2009 yang di antara lainnya menggalakkan industri perlombongan mengamalkan kaedah perlombongan terbaik dan mampan, mempromosikan perolehan, kitar semula dan guna semula mineral, logam dan produk berasaskan mineral, dan pengurusan sumber mineral yang berkesan menerusi pengezonan kawasan berpotensi mineral untuk kegunaan masa depan serta mengelakkan daripada berlakunya konflik guna tanah.

Sekian, terima kasih.